

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM), sentiasa berusaha keras untuk membanteras sebarang bentuk aktiviti perjudian haram dalam negara sehingga ke akar umbi. Pihak sindiket sentiasa menukar *Modus Operandi* seperti berselindung di sebalik perniagaan yang sah atas nama Pusat Hiburan Keluarga (PHK), mengubah lokasi daripada pusat komersil ke kondominium dan beroperasi di pinggir bandar dan kawasan pedalaman serta menggunakan media elektronik dengan menyebarkan *Short Message Service (SMS)* atau melalui website bagi mencari pelanggan baharu.

Statistik tindakan kepada pemilik dan pemain atas kesalahan perjudian haram bagi tahun 2011 sehingga September 2016 bagi

PERKARA	JUMLAH KES						TUDUH					
	2011	2012	2013	2014	2015	Sept 16	2011	2012	2013	2014	2015	Sep-16
MESIN KOMPUTER	1	40	49	179	150	1	1	33	32	77	53	1
LOTERI AWAM TANPA LESEN	17	19	7	11	36	27	12	10	4	0	1	1
JUDI DALAM BANGUNAN	8	6	5	3	6	0	6	5	5	0	2	0
JUDI TEMPAT BEBAS	13	8	23	16	17	11	10	8	18	13	4	4
CATIT TARUH HARAM	-	2	-	6	0	1	-	2	-	0	0	0
JUMLAH	39	75	84	215	209	40	29	58	59	90	60	6

Daerah Sibul, Sarawak adalah seperti berikut:-

Bagi menjawab soalan (b), Statistik serbuan, tangkapan dan rampasan di bawah Op Dadu bagi tahun 2011 sehingga 2016 September bagi Daerah Sibul, Sarawak adalah seperti berikut:-

PERKARA	SERBUAN BERJAYA					
	2011	2012	2013	2014	2015	2016
MESIN KOMPUTER	1	40	49	179	150	1
LOTERI AWAM TANPA LESEN	17	19	7	11	36	27
JUDI DALAM BANGUNAN	8	6	5	3	6	0
JUDI TEMPAT BEBAS	13	8	23	16	17	11
CATIT TARUH HARAM	-	2	-	6	0	1
JUMLAH	39	75	84	215	209	40

PERKARA	JUMLAH TANGKAPAN					
	2011	2012	2013	2014	2015	2016
MESIN KOMPUTER	1	99	223	1321	810	3
LOTERI AWAM TANPA LESEN	22	19	7	13	42	28
JUDI DALAM BANGUNAN	56	48	39	15	39	0
JUDI TEMPAT BEBAS	110	57	48	224	196	68
CATIT TARUH HARAM	-	2	-	6	0	1
JUMLAH	189	225	317	1579	1087	100

PERKARA	RAMPASAN					
	2011	2012	2013	2014	2015	2016
MESIN KOMPUTER	(1)	(196) RM5,698	(323) RM10,095	(2708) RM149,945	(2038) RM73,599	(5) RM1,100
LOTERI AWAM TANPA LESEN	RM9,006	RM1,456	RM1,278	RM9,553	RM23,598	RM13,044
JUDI DALAM BANGUNAN	RM4,489	RM1,372	RM3,987	RM685	RM6,918	-
JUDI TEMPAT BEBAS	RM3,482	RM450	RM1,387	RM3,727	RM3,088	RM8,802
CATIT TARUH HARAM	-	-	-	RM7,967	-	-
JUMLAH	(1) RM16,977	(196) RM8,976	(323) RM16,747	(2708) RM171,877	(2038) RM107,203	RM22,946

Nota; () Jumlah mesin komputer yang dirampas

Pihak polis sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun demikian usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi "Op Dadu" yang dilakukan secara agresif dan berterusan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Di samping itu, orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini yang mempertaruhkan nasib untuk mendapatkan keuntungan tanpa berusaha yang akhirnya boleh membawa kemudaratan seperti berhutang dan terlibat dalam perlakuan jenayah. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.